

Petikan dari Kitab Injil: [Matius 26:36-46](#).

Di taman Getsemani

³⁶Selepas itu Isa pergi bersama mereka ke sebuah tempat bernama Getsemani, lalu Dia berkata kepada mereka, 'Duduklah di sini sementara Aku berdoa di sana.' ³⁷Isa membawa bersama-Nya Petrus dan kedua-dua anak Zebedeus. Dia mula berdukacita dan amat berpilu hati. ³⁸Dia berkata kepada mereka, 'Jiwa-Ku sungguh dukacita, bagaikan mati. Duduklah di sini berjaga bersama-Ku.'

³⁹Isa pergi jauh sedikit dari situ lalu sujud menyembamkan muka ke tanah dan berdoa, 'Ya Bapa-Ku, kalaulah dapat, edarkanlah cawan ini daripada-Ku; namun, biarlah kehendak-Mu berlaku, bukan kehendak-Ku.'

⁴⁰Kemudian Dia pergi kepada pengikut-pengikut-Nya dan mendapati mereka telah tertidur; lalu Dia berkata kepada Petrus, 'Apa? Satu jam pun kamu tidak dapat berjaga bersama-Ku?' ⁴¹Berjaga dan berdoalah, takut nanti kamu tergodas. Memang rohani rela, tetapi jasmani lemah.'

⁴²Bagi kali kedua, Dia pergi dan berdoa, 'Ya Bapa-Ku, jika cawan ini tidak mungkin beredar daripada-Ku melainkan Kuminum, biarlah kehendak-Mu berlaku.'

⁴³Selepas itu Dia mendapati mereka tidur lagi, kerana mata mereka sungguh mengantuk. ⁴⁴Dia pun meninggalkan mereka dan pergi berdoa lagi, bagi kali ketiga. Dia mengucapkan kata-kata yang sama.

⁴⁵Setelah itu Dia mendapatkan pengikut-pengikut-Nya lalu berkata, 'Adakah kamu masih tidur dan berehat? Lihatlah, masanya telah menjelang, dan Putera Insan sedang dikhianati untuk diserahkan ke tangan orang berdosa.

⁴⁶Bangunlah, ayuh kita pergi. Lihat, pengkhianat-Ku sudah tiba.'

Petikan dari Kitab Injil: [Lukas 22:39-46](#).

Isa berdoa

³⁹Isa meninggalkan tempat itu lalu pergi ke Bukit Zaitun seperti kebiasaan-Nya. Pengikut-pengikut-Nya pergi bersama Dia. ⁴⁰Sesampainya ke tempat itu, Dia berkata kepada mereka, 'Berdoalah kamu supaya kamu tidak tergodas.' ⁴¹Isa pergi jauh sedikit daripada mereka, iaitu sepelempar batu jauhnya lalu berlutut untuk berdoa. ⁴²'Ya Bapa, jikalau berkenan kepada-Mu, jauhkanlah kiranya cawan penderitaan ini daripada-Ku. Tetapi bukannya kehendak-Ku melainkan

kehendak-Mu yang dilaksanakan.’⁴³ Malaikat dari syurga datang dan menguatkan-Nya.⁴⁴ Dalam kesengsaraan Dia berdoa, peluh-Nya seperti darah menitik ke tanah.

⁴⁵ Isa bangun daripada berdoa, dan balik kepada pengikut-pengikut-Nya. Didapati-Nya mereka tertidur kerana sangat sedih.⁴⁶ Dia berkata kepada mereka, ‘Mengapakah kamu tidur? Bangunlah dan berdoa supaya kamu tidak tergoda.’